

2021 N LEVEL MALAY PAPER 2

GCE 'N' Level Malay Paper 2 (1197/2)

Duration: 1h 30 min

Total Marks: 60

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

Sukan Olimpik Musim Panas 2020 dikenali secara meluas sebagai Tokyo 2020. Temasya sukan yang sepatutnya dijalankan tahun lepas itu telah ditangguh atas **(1) setuju** bersama negara Jepun dan jawatankuasa Olimpik Antarabangsa. Penangguhan itu terpaksa dilakukan **(2) ekor** penularan wabak coronavirus Covid-19 yang melanda dunia. Kali terakhir Tokyo **(3) jadi** tuan rumah adalah pada tahun 1964. **(4) pilih** maskot yang menjadi duta Sukan Olimpik ini berdasarkan undian murid-murid sekolah rendah di serata Jepun. Maskot Tokyo 2020, yang berbentuk robot adiwira, **(5) nama** Miraitowa yang bermakna 'masa depan yang selama-lamanya' dan *Someity* yang membawa maksud 'sungguh gagah'.

Soalan A2 (5 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, lorek huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- (A) ada gula adalah semut
- (B) ringan tulang berat perut
- (C) seperti tikus jatuh ke beras
- (D) pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar
- (E) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (F) jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau
- (G) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
- (H) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (I) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya
- (J) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Sikap pekerja-pekerja di syarikat itu kini lebih serius. Mereka memberikan tumpuan yang tidak berbahagi semasa menjalankan tugas masing-masing. Cik Hannah, pengarah syarikat yang baharu sahaja dilantik memang tegas dan tidak suka para pekerja bersikap sambil lewa dalam menjalankan tugas masing-masing. Benar kata pepatah **(6) bagaimana perintah, begitulah yang harus dituruti.**

Zaki, salah seorang pengurus di syarikat itu telah lama cuba menerapkan amalan menjaga masa. Dia percaya bahawa **(7) masa perlu digunakan dengan sebaik-baiknya.** Namun sebelum ini, pekerja-pekerja lain tidak mengendahkan nasihat Zaki. Justeru, Zaki orang pertama yang tersenyum melihat gelagat perubahan di dalam syarikat itu. Cik Hannah tahu akan sikap Zaki yang berpegang kepada prinsip menjaga masa sepertinya. Zaki memang pekerja yang cekap dan baik. Dia percaya **(8) jika rajin dan tekun berusaha semasa melakukan sesuatu pekerjaan maka akan murahlah rezekinya.** Maka itu, tidak lama selepas Cik Hannah bertugas di situ, Zaki telah dinaikkan pangkat.

Bagaimanapun, Zaki tahu dia bukanlah hebat. Dia juga manusia biasa yang pernah melakukan kesilapan. Maklum, **(9) manusia memang tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan kesilapan.** Namun dia tetap dengan pendiriannya bahawa **(10) tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih.** Zaki percaya dengan usaha dan semangat untuk sentiasa menjadi yang terbaik serta mempelajari daripada kesilapan lalu, sesiapa juga pasti akan meraih kecemerlangan.

Soalan A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, lorek huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

- | | | |
|-------------|-----------------|----------------|
| (A) berbeza | (B) berhampiran | (C) hasil |
| (D) jenis | (E) mudah | (F) penggunaan |
| (G) rumit | (H) variasi | |

Asam pedas merupakan antara lauk yang terkenal di dalam masyarakat Melayu di rantau ini. Resipi untuk membuatnya tidaklah terlalu **(11)**_____. Namun, sudah tentu wujudnya resepi asam pedas yang **(12)**_____ mengikut kawasan masing-masing. Misalnya, kelainan dapat dilihat melalui **(13)**_____ jenis asam. Asam jawa yang pekat digunakan di negeri-negeri seperti Singapura dan Johor. **(14)**_____ asam pedas juga sebenarnya bergantung kepada tempat. Asam pedas ikan adalah lebih popular di penempatan yang **(15)**_____ dengan laut manakala asam pedas daging dan ayam pula terkenal di tempat-tempat yang terletak lebih jauh daripada pantai dan bergantung kepada bahan mentah yang mudah didapati.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Petikan 1

Tahukah anda?

MAJALAH RIMBA
EDISI SEPTEMBER 2021


Para pencinta haiwan kini boleh memilih haiwan di Taman Haiwan Singapura untuk dijadikan "anak angkat".

Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha pihak pengurusan Wildlife Reserves Singapore (WRS) untuk melanjutkan skim tajaan ini kepada para individu. Sebelum ini, skim ini hanya ditawarkan kepada syarikat-syarikat sahaja.

Sebagai permulaan, hanya 10 spesis haiwan sahaja yang disenaraikan dalam program "anak angkat" ini. Orang Utan Sumatera bernama Ah Meng Jr, kura-kura gergasi bernama Coco dan singa laut California yang bernama Pedro adalah tiga daripada spesis haiwan yang dibenarkan.

Penderma yang menyumbang antara \$200 sehingga \$1500 akan menikmati beberapa keistimewaan seperti paparan nama di laman WRS selama setahun dan menerima e-sijil "anak angkat" serta lembaran fakta haiwan yang dijadikan sebagai "anak angkat".

Dana yang terkumpul menerusi program itu akan disalurkan kepada dana sumber WRS



bagi **menampung** keperluan jagaan, pemeliharaan dan perubatan haiwan.

Ia juga akan digunakan untuk menyokong program kajian dan pendidikan bagi projek pemuliharaan dan taman-taman WRS untuk melindungi spesis yang terancam di Singapura dan di seluruh rantau ini.

Dipetik dan disesuaikan daripada <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/gayahidup/kini-anda-boleh-taja-10-jenis-haiwan-ini-sebagai-anak-angkat/4492522.html>

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, lorekkan huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

16 Buat julung-julung kalinya, skim tajaan haiwan ini dibuka untuk _____.

- (A) individu
- (B) keluarga
- (C) syarikat-syarikat
- (D) anggota kelab taman haiwan

17 Berdasarkan perenggan kelima, kita dapat membuat kesimpulan bahawa _____

- (A) dana orang ramai sangat diperlukan akibat Covid19
- (B) sumbangan yang dikumpulkan khas untuk program kajian
- (C) dana yang terkumpul akan digunakan untuk perubatan haiwan
- (D) sumbangan yang dikumpulkan akan digunakan untuk menampung keperluan operasi taman haiwan

18 Perkataan 'menampung' dalam petikan bermaksud _____.

- (A) memilih
- (B) membuat
- (C) menerima
- (D) mengurus



PESTA WAU WOW 2021

11-12 September

Marina Barrage

“Pesta Wau ini merupakan satu usaha untuk memperkenalkan seni budaya Melayu kepada generasi muda dan membawa kesenian wau ke pentas dunia!”

-AR Rahman (Pengerusi Persatuan Wau Wow)

PERTANDINGAN MELAYANG WAU

- Peserta perlu mendaftarkan diri sebelum 31 Ogos 2021
- Penyertaan dalam berkumpulan tidak harus melebihi 4 peserta. Penyertaan secara individu diterima
- Borang pendaftaran terdapat di laluan <http://pestawauwow.com> atau di mana-mana kelab masyarakat kejiranan

Hadiah tempat pertama

Piala dan wang tunai sebanyak **\$10 000** tajaan Persatuan Wau Wow

AKTIVITI-AKTIVITI MENARIK:

- Bengkel melayang wau oleh jurulatih terkemuka di Asia Tenggara
- Pertandingan membina wau yang unik dan inovatif
- Pameran wau dari Asia dan Eropah
- Bazar makanan dan kraftangan Melayu

**PERHATIAN:
ACARA AKAN DIJALANKAN MENGIKUT
LANGKAH-LANGKAH PENGURUSAN
KESELAMATAN (SMM)**

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, lorek huruf jawapan pilihan kamu di Buku Jawapan yang disediakan.

19 Para peserta yang berminat untuk menyertai pertandingan melayang wau perlu _____ .

- (A) menubuhkan kumpulan tidak melebihi 3 orang
- (B) mengisi borang pendaftaran di laman Pesta Wau Wow
- (C) menggunakan wau buatan sendiri yang sudah diluluskan
- (D) menghadiri bengkel melayang wau oleh pelatih-pelatih terkemuka

20 Kita dapat membuat kesimpulan bahawa tujuan utama pesta wau ini diadakan adalah untuk _____ .

- (A) mempamerkan wau dari seluruh dunia
- (B) mencari bakat dalam kalangan golongan muda
- (C) mempromosikan dan melestarikan kesenian wau
- (D) mengajar peserta membina wau yang kreatif dan inovatif

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Pakcik Zul pernah ditertawakan rakan-rakan sekerja kerana cuba menjual epok-epok kepada rakan-rakannya. Saban hari, selepas pulang dari kerja, Pakcik Zul membantu isterinya membuat epok-epok untuk dijual. Ejekan rakan-rakannya itu tidak melemahkan semangatnya untuk berniaga. Berkat kerajinan dan kejujurannya, Pakcik Zul mula menerima tempahan daripada orang ramai. Kuih-muih yang mereka jual juga bertambah jenisnya. Kuih-muih tradisional Melayu yang lain seperti abuk-abuk, kuih lapis, talam dan sebagainya kini turut mereka jual. 5

“Kuih-kuih Pakcik Zul semuanya sedap, lagipun tak mahal harganya.”

Begitulah pendapat pembeli kuih-muih Pakcik Zul. Kebanyakan mereka mendapat tahu tentang kuih-muih Pakcik Zul melalui saranan orang lain. Maklumlah, Pakcik Zul tidak mahir menggunakan media sosial untuk mengiklankan jualannya seperti orang lain. 10

Memandangkan permintaan yang kian bertambah. Pakcik Zul telah menyewa sebuah kilang untuk dia dan isterinya membuat kuih-muih tersebut. Dia juga turut mendapat bantuan daripada lima orang pekerja yang digajinya. Dengan duit simpanannya, Pakcik Zul membeli alat-alat membuat kuih yang diperlukan. Pakcik Zul dan isterinya sekarang mampu membekalkan kuih-muih kepada kedai-kedai lain. Malah ada juga restoran-restoran dan hotel-hotel terkenal yang menempah kuih-muihnya. 15

Setelah beberapa tahun **mengendalikan** kilang kuih mereka, Pakcik Zul dan isterinya sepakat untuk membuka beberapa kedai di merata Singapura untuk menjual kuih-muihnya. 20

“Jika rancangan kita membuka kedai kuih berjaya, mudahlah untuk orang ramai mendapatkan kuih-muih kegemaran mereka.”

Rancangan jangka panjang Pakcik Zul untuk meluaskan perniagaannya mendapat perhatian orang ramai. Ramai juga yang ingin menjadi rakan kongsi Pakcik Zul. Ada pula yang ingin meminjamkan wang sebagai modal agar Pakcik Zul dapat meluaskan perniagaannya. Namun, Pakcik Zul tidak mudah termakan pujuk rayu mereka. Dia tahu dia mesti berhati-hati dalam usahanya hendak mengembangkan perniagaannya. Malah, Pakcik Zul sanggup **bersengkang mata** melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti dalam bidang perniagaan dan pemasaran supaya dia lebih bersedia menjalankan perniagaan yang besar. Isterinya juga turut menghadiri pelbagai kelas untuk memperhalusi kemahiran membuat kuih. 25 30

Pakcik Zul mengambil keputusan untuk menggunakan wang simpanan dan keuntungan perniagaannya sejauh ini untuk membuka dua buah kedai di estet perumahan Yishun dan Punggol. Perasaan puas dan bersyukur berbunga di hatinya. 35

“Saya akan terus usaha untuk membuka dua cawangan lagi dalam masa yang terdekat ini. Mungkin kali ini kita cuba dapatkan kedai di dalam pusat beli-belah pula!”

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan yang diberikan. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 21** Apakah yang Pakcik Zul lakukan untuk memajukan perniagaannya? (3 markah)
- 22** Berikan bukti yang menunjukkan bahawa Pakcik Zul seorang yang kuat semangat. (3 markah)
- 23** Jelaskan dua perubahan yang berlaku kepada perniagaan Pakcik Zul setelah mereka membuka kilang kuih. (5 markah)
- 24** Mengapakah langkah membuka beberapa kedai di tempat lain satu usaha yang bijak? (5 markah)
- 25** Jelaskan mengapa perasaan puas dan bersyukur berbunga di hati Pakcik Zul. (5 markah)
- 26** Pakcik Zul tidak mudah termakan pujuk rayu orang sekelilingnya. Jelaskan. (5 markah)

Arahan: Terangkan maksud perkataan atau frasa berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** mengendalikan (baris 19) (2 markah)
- 28** bersengkang mata (baris 29) (2 markah)

Selesai